

# Khuatir ternakan kelulut terjejas

Pengusaha minta pihak berkaitan segera baiki ban runtuh



Lokasi projek ternakan kelulut yang diusahakan dikhuatiri terjejas.

**SIJANGKANG** - Pengusaha madu kelulut di sini, khuatir projek mereka terjejas akibat runtuhannya ban yang disebabkan fenomena air pasang besar di antara Kunci Air Arshad dan Serindit Kampung Sijangkang, di sini.

Pengusahanya, Rohadi Tukiman, 52, berkata, tindakan segera diperlukan berikutan kawasan ternakan kelulut itu hanya terletak kira-kira 100 meter dari lokasi ban runtuh berkenaan.

"Saya dah tinjau kawasan sekitar ternakan kelulut untuk penghasilan madu tu, ternyata runtuhannya ban terlibat perlu diberi perhatian segera sebab dah dekat sangat dengan projek ni.

"Saya bimbang dengan kejadian air pasang besar, harap pihak berkaitan turun padang lihat masalah ni," katanya.

**“ Saya dah tinjau kawasan sekitar ternakan kelulut yang menghasilkan madu tu, ternyata runtuhannya ban terlibat perlu diberi perhatian segera.” - Rohadi**

Sementara itu, Pengerusi Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat, Abdul Razak Khasbullah berkata, masalah ban runtuh telah dimaklumkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) daerah untuk baik pulih segera.

"Kita juga ada mohon kepada kerajaan persekutuan menerusi JPS dan kerajaan negeri untuk mengalukan GLC membantu menaik taraf ban ini," katanya.

Menurutnya, isu itu perlu diberi perhatian segera kerana air pasang besar dijangka berlaku pada 16 hingga 20 Oktober ini.

"Ia membimbangkan petani, terutama ahli PPK. Selain pengusaha ternakan kelulut, petani tanaman kontan dan pekebun kelapa sawit turut berisiko menerima kesannya.

Dalam pada itu, beliau yang juga Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Peladang Negeri Selangor berharap, ahli PPK dapat menyalurkan maklumat terus kepada negeri sekiranya berdepan masalah.

"Kita sentiasa prihatin dengan masalah petani di negeri ini, malah berhasrat untuk terus mendekati mereka dalam membantu menghasilkan produk berkualiti," katanya.